# Kenyataan Media

## 66 MENARA KOMUNIKASI JENDELA 1 DI TERENGGANU SIAP DIBINA

**CYBERJAYA, 29 Julai 2024 --** Kesemua 66 menara komunikasi di Terengganu yang diperuntukkan di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) 1 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah siap dibina.

Kejayaan ini akan membolehkan penduduk menikmati kualiti perkhidmatan Internet yang lebih baik dengan melonjakkan kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk kepada 97.54% berbanding 93.68% sebelum pelaksanaan JENDELA 1 di Terengganu.

Berikut senarai 66 menara yang siap dibina mengikut daerah di Terengganu:

| DAERAH | JUMLAH MENARA |
|---|---|
| Hulu Terengganu | 19 |
| Marang | 12 |
| Setiu | 12 |
| Dungun | 9 |
| Besut | 8 |
| Kuala Nerus | 2 |
| Kuala Terengganu | 2 |
| Kemaman | 2 |
| **JUMLAH** | **66** |

Sebanyak 39 menara telah diaktifkan menggunakan teknologi *Multi Operator Core Network (MOCN)* di mana pengguna boleh menikmati perkhidmatan yang disediakan oleh CelcomDigi, Maxis dan U Mobile.

Penyediaan perkhidmatan Internet yang kondusif menjadi keutamaan MCMC dan Kerajaan bagi memudahkan urusan harian rakyat serta meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk.

**Majlis Pemuktamadan Penyerahan Menara Komunikasi JENDELA 1 di Terengganu.**

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
MCMC_RASMI
SKMM_MCMC
MCMCTV